

JAWATAN KOSONG KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PENGAWAS HUTAN**
Kod Skim : 4LG08
Jabatan : JABATAN PERHUTANAN NEGERI TERENGGANU
Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN PERTANIAN
Kumpulan Perkhidmatan : PELAKSANA

2. **JADUAL GAJI** : **GRED G1**

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM 1,500.00	RM 4,680.00	RM 100.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Sekolah Latihan Perhutanan Sarawak atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G1 : RM1,561.00);

- (ii) Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan daripada Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia atau institut Latihan Perhutanan Sabah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf denganya oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred G1 : RM1,622.00).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.